Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(S)-178–06 TAHUN 2011
ABDUL MALIK ISHAK, AZAHAR MOHAMED DAN BALIA YUSOF HHMR
30 OKTOBER 2012

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 304(a) — Hukuman — Rayuan oleh pendakwa raya terhadap hukuman — Tertuduh didakwa menyebabkan kematian si mati dengan memukul si mati — Tertuduh mengaku salah — Sama ada hukuman penjara 13 tahun dan 11 tahun masing-masing terlampau kurang — Sama ada mahkamah wajar campur tangan dalam hukuman yang diberikan oleh hakim bicara — Kelakuan kejam dan tidak berperikemanusiaan — Senjata berbahaya digunakan — Faktor kepentingan awam — Sama ada usia muda memberi tertuduh hak untuk dilayan secara ringan

Kelima-lima responden telah didapati bersalah melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama dalam menyebabkan kematian Nethyananthan ('si mati'). Kesemua responden telah mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan tersebut. Responden-responden telah membawa si mati ke suatu tempat di mana responden ketiga telah menggunakan batang besi untuk memukul si mati. Kemudian si mati telah dibawa ke sebuah rumah di mana responden ketiga telah sekali lagi memukul si mati. Selepas itu, kelima-lima responden telah membawa si mati ke satu kawasan berdekatan sebuah tangki air di mana responden-responden telah mengikat dan memukul si mati dengan tangan dan kayu serta tali pinggang secara bertalu-talu. Mereka mendesak si mati supaya memberitahu mereka suatu hal yang ditanya oleh responden ketiga. Memandangkan si mati berdiam diri, responden ketiga telah menghentak si mati dengan parang panjang di kepalanya. Selepas beberapa ketika, kelima-lima responden memukul si mati dengan kaki tangan, tali pinggang dengan responden ketiga menggunakan parang tersebut. Pada keesokan pagi, pengadu telah dibawa masuk ke dalam satu kawasan hutan. Si mati yang pada masa itu dalam keadaan tenat talah diletakkan di atas sekeping plywood. Hidung si mati berdarah dan mukanya bengkak. Responden ketiga telah mengambil kad ATM si mati. Duit yang diperolehi dengan menggunakan kad ATM si mati telah digunakan untuk membeli rokok, air dan roti. Si mati telah meninggal dunia. Responden ketiga, keempat dan kelima telah kemudian menanam mayat si mati. Hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun dari tarikh tangkap terhadap responden ketiga dan hukuman penjara 11 tahun dari tarikh tangkap terhadap

responden pertama, kedua, keempat dan kelima. Pendakwa raya telah merayu terhadap hukuman tersebut. Pihak pendakwaan berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf dalam menjatuhkan hukuman penjara yang terlampau kurang (*manifestly inadequate*) dan tidak sealiran dengan corak hukuman bagi kesalahan serupa.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan hakim Mahkamah Rayuan berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah ataupun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah di dalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 dirujuk (lihat oerenggan 17); *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 195 dirujuk.

(2) Kecederaan yang telah dilakukan oleh semua responden secara bersama-sama sehingga menyebabkan kematian si mati adalah dibuat dengan begitu kejam dan tidak berperikemanusiaan. Terdapat fakta-fakta yang mewajarkan YA hakim untuk menjatuhkan hukuman penjara yang lebih berat ke atas semua responden (lihat perenggan 19).

(3) Responden ketiga telah mengambil peranan yang lebih keterlaluan dalam kes ini jika dibandingkan dengan semua responden yang lain. Responden ketiga telah menggunakan senjata yang berbahaya sehingga menyebabkan kematian si mati (lihat perenggan 19).

(4) Hakim bicara telah khilaf kerana tidak memberi perhatian yang sewajarnya terhadap faktor kekejaman sebagai faktor memberatkan hukuman demi kepentingan awam dan bukannya memberi keutamaan atau pertimbangan yang berlebihan bahawa responden-responden adalah pesalah muda, pengakuan salah dan kesusahan keluarga mereka dalam menjatuhkan hukuman (lihat perenggan 22).

(5) Dalam keadaan kes ini, fakta bahawa responden-responden berusia muda tidak memberi mereka hak untuk dilayan secara ringan dalam menentukan hukuman yang sewajarnya. Faktor mitigasi usia muda hendaklah dinilai dengan meneliti keseluruhan fakta kes (lihat perenggan 22); *Koey Teng Soon & Anor v Public Prosecutor* [2000] 2 MLJ 129 dirujuk.

(6) Hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara terlampau ringan (*manifestly inadequate*) dan tidak berpadanan dengan fakta dan kekejaman yang dilakukan oleh kesemua responden di dalam kes ini.

Hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan hukuman seperti berikut: Responden pertama, responden kedua, responden keempat dan responden kelima masing-masing dihukum penjara 15 tahun dari tarikh mereka ditangkap. Responden ketiga dihukum penjara 18 tahun dari tarikh dia ditangkap (lihat perenggan 25).

[English summary

All five respondents were found guilty for committing culpable homicide not amounting to murder, punishable under s 304(a) of the Penal Code read together with s 34 of the same Code for causing the death of Nethyananthan ('the deceased'). All the respondents pleaded guilty on the preferred charge. The respondents had brought the deceased to a place where the third respondent had used a few iron rods to beat the deceased. Subsequently the deceased was taken to a house where the third respondent had again beaten up the deceased. Then, all the five respondents had taken the deceased to a place nearby to a water tank where the respondents had tied up and beaten the deceased with their hands and stick as well as belts repeatedly. They forced the deceased to tell them on the matter asked by the third respondent. As the deceased had kept quiet, the third respondent knocked the deceased with a long machete on his head. After a while, all the five respondents beat the deceased with their hand and foot, belts with the third respondent using the machete. The next morning, the complainant had been taken into a jungle area. The deceased, whom at that time was dying, was placed on a piece of plywood. The nose of the deceased was bleeding and his face was swollen. The third respondent had taken the ATM card belonging to the deceased. The money obtained using the ATM card of the deceased was used to buy cigarette, water and bread. The deceased had died. The third, fourth and fifth respondents had then buried the body of the deceased. The trial judge imposed sentence of imprisonment of 13 years from the date of arrest against the third respondent and sentence of 11 years imprisonment from the date of arrest against the first, second, fourth and fifth respondents. The public prosecutor had appealed against the sentence. The prosecution submitted that the trial judge had erred in imposing the manifestly inadequate sentence of imprisonment and was not in line with the pattern of sentence of the like offences.

Held, allowing the appeal:

(1) The court hearing the appeal ought not to interfere with the sentence imposed by the trial judge and commonly do not change the sentence unless it was satisfied that the sentence imposed by the judge was manifestly inadequate or insufficient or excessive or illegal or was not the appropriate sentence in view of all the facts disclosed, or that the court had clearly erred in applying the correct principle in the evaluation of the

sentence; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 referred (see para 17); *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 195 referred.

(2) The injuries inflicted by all the respondents together resulting in the death of the deceased were committed in such a cruel manner and without conscience. There were facts which allowed the learned judge to impose heavier sentence of imprisonment on all the respondents (see para 19).

(3) The third respondent had taken the role of more extreme in this case compared to the other respondents. The third respondent had used a dangerous weapon which resulted in the death of the deceased (see para 19).

(4) The trial judge had erred for not giving appropriate attention to the factors of violence as aggravating factor for the sentence in view of public interest and in not giving priority or excessive consideration that the respondents were young offenders, pleaded guilty and the difficulty faced by their family in imposing the sentence (see para 22).

(5) In the circumstances of the case, the facts that the respondents were of young age did not give them the right to be treated lightly in determining the appropriate sentence. The mitigating factor of young age must be assessed by evaluating the whole facts of the case (see para 22); *Koey Teng Soon & Anor v Public Prosecutor* [2000] 2 MLJ 129 referred.

(6) The sentence imposed by the trial judge was manifestly inadequate and did not match with the facts and the violence committed by all the respondents in this case. The sentence imposed by the trial judge was set aside and substituted with the following sentence: the first respondent, second respondent, fourth respondent and fifth respondent were sentenced to 15 years imprisonment from the date of their arrest respectively. The third respondent was sentenced to 18 years imprisonment from the date of his arrest (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 304(a), lihat 4(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 1942–1944.

Kes-kes yang dirujuk

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)
Koey Teng Soon & Anor v PP [2000] 2 MLJ 129, MR (diikut)
Mohamed Jusoh bin Abdullah and another vs PP [1947] MLJ 130 (dirujuk)
Muhammad Isa bin Aris & Ors v PP [2011] 5 MLJ 342; [2011] 3 CLJ 510, MR (diikut)

A *R v Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 34, 302, 304(a)

B **Rayuan daripada:** Perbicaraan Jenayah No 45B–127 Tahun 2007 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Nurulhuda Nur'aini bt Mohd Nor (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Gurubachan Singh Johal (Nashir, Johal & Co) bagi pihak responden pertama.
C *Tan Choon Hong (Gerard Lazarus & Associates) bagi pihak responden kedua.*
Responden ketiga tidak diwakili.
Responden keempat tidak diwakili.
Responden kelima tidak diwakili.

D **Azahar Mohamed HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):**

[1] Ini adalah rayuan terhadap hukuman oleh pendakwa raya atas keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap kelima-lima responden.

E

[2] Pada asalnya kelima-lima responden telah dituduh secara bersama-sama melakukan kesalahan bunuh terhadap Nethyananthan a/l Ganasayagaran yang merupakan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama. Kemudiannya, atas representasi semua
F responden, pendakwa raya telah mengemukakan satu pertuduhan pilihan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 26 April 2007 di antara jam lebih kurang 8.30 malam hingga 27 April 2007 jam lebih kurang 1.00 petang di tangki air besar
G Taman Sungai Kapar Indah, Klang, di dalam Daerah Klang, di dalam mencapai niat bersama kamu, telah menyebabkan kematian Nethyananthan a/l Ganasayagaran (KPT No: 781102-10-5423) dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematiannya, dan dengan itu kamu telah melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh yang boleh
H dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

[3] Kesemua responden telah mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan tersebut. YA hakim Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman penjara
I 13 tahun dari tarikh tangkap (3 Mei 2007) terhadap responden ketiga dan hukuman penjara 11 tahun dari tarikh tangkap terhadap responden pertama (29 April 2007), responden kedua (30 April 2007), responden keempat (4 Mei 2007) dan responden kelima (11 Mei 2007) bagi pertuduhan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan yang dibaca bersama s 34 Kanun yang sama.

[4] Fakta kes yang diakui betul dan benar oleh kesemua responden adalah sebagaimana yang berikut. Pada 26 April 2007 jam lebih kurang 8.30 malam, Stacy Dias a/p Sagaran ('pengadu') bersama teman lelakinya yang bernama Nethyananthan a/l Ganasayagaran ('si mati') telah membawa kereta Vios WMB 9577 pergi ke pekan Klang untuk berjumpa dengan seorang perempuan yang bernama Subrani berhubung dengan hal kad perkahwinan.

[5] Sesampainya di kedai pakaian Gayathri di Jalan Tengku Kelana Klang, si mati keluar daripada kereta tersebut dan pengadu tunggu dalam kereta. Pengadu kemudian melihat responden pertama, responden ketiga, responden keempat dan responden kelima berjumpa dengan si mati. Selepas itu, responden pertama dan responden ketiga telah membawa si mati masuk ke dalam kereta Vios tersebut dan si mati kemudiannya memandu kereta tersebut. Pengadu menjadi takut dan bertanya si mati kenapa dua orang tersebut mengikutnya. Si mati menjawab kedua-dua lelaki yang berkenaan mencari seorang perempuan yang mungkin merupakan pelanggan mereka. Mereka mengajak untuk mencari perempuan tersebut di kawasan masjid Jalan Tengku Kelana.

[6] Apabila sampai di satu kawasan di Batu 5 Jalan Kapar berdekatan kawasan masjid, si mati telah berhentikan kereta. Di situ terdapat sebuah kereta Proton Wira berwarna biru sedang menunggu di mana beberapa orang termasuk Subrani, anak lelaki saudara Subrani yang bernama Naresh, responden keempat dan responden kelima berada di situ. Si mati bersama responden pertama dan responden ketiga telah keluar dari kereta dan berjumpa dengan mereka. Pada ketika itu pengadu masih berada dalam kereta. Mereka telah bertanyakan kepada si mati tentang sesuatu. Setelah lebih kurang 10 minit mereka berbincang, responden ketiga telah mengacukan pisau ke leher Subrani dan memaksanya membawa kereta Proton Wira tersebut untuk menghantar mereka ke satu tempat. Subrani mengikut arahan tersebut dan responden ketiga bersama responden kelima terus menarik dan menolak si mati ke dalam kereta Proton Wira yang dipandu oleh Subrani. Responden pertama pula memandu kereta Vios dan responden keempat menunggang sebuah motorsikal ikut dari belakang.

[7] Mereka semua kemudian tiba di satu kawasan di Bt 7 Jalan Kapar. Di situ, responden ketiga telah menggunakan batang besi untuk memukul si mati. Responden ketiga kemudian mengarahkan Subrani bersama anak saudaranya meninggalkan tempat tersebut.

[8] Responden pertama, responden ketiga dan responden kelima kemudian telah masuk ke dalam kereta Vios dan membawa si mati bersama pengadu terus menuju ke kawasan Sungai Kapar Indah. Responden keempat menunggang motorsikal ikut dari belakang. Responden ketiga telah berhenti di sebuah

rumah di kawasan Sungai Kapar Indah. Si mati telah dibawa masuk rumah tersebut dan di situ responden ketiga bertanya perkara yang sama pada si mati dan telah memukul si mati. Kemudian responden kedua telah sampai di rumah itu.

[9] Selepas itu, kelima-lima responden telah membawa si mati ke satu kawasan berdekatan sebuah tangki air di Taman Sungai Kapar Indah. Di sana, kelima-lima responden telah mengikat dan memukul si mati dengan tangan dan kayu serta tali pinggang secara bertalu-talu. Mereka mendesak si mati supaya memberitahu hal yang ditanya oleh responden ketiga. Memandangkan si mati berdiam diri, responden ketiga telah menghentak si mati dengan parang panjang di kepalanya. Selepas beberapa ketika, kelima-lima responden memukul si mati dengan kaki tangan, tali pinggang dengan responden ketiga menggunakan parang tersebut.

[10] Pada keesokan pagi, pengadu telah dibawa masuk ke dalam satu kawasan hutan. Di situ pengadu melihat responden kelima membawa si mati yang pada masa itu dalam keadaan tenat. Si mati diletakkan di atas sekeping *plywood*. Dari jarak 3 meter, pengadu melihat hidung si mati berdarah dan mukanya bengkak. Kemudian responden ketiga telah mengambil kad ATM si mati bersama nombor pinnya dan menelefon seorang rakannya bernama Umadevan. Umadevan kemudian tiba. Responden kelima dan Umadevan telah pergi membeli rokok, air dan roti dengan menggunakan duit yang diperolehi dengan menggunakan kad ATM si mati. Selepas membeli barang-barang tersebut, Umadevan menghantar responden kelima balik ke kawasan hutan tersebut. Responden pertama, responden kedua dan responden ketiga kemudian keluar dari kawasan itu. Sebelum meninggalkan kawasan tersebut, responden pertama telah beberapa kali menendang di bahagian badan si mati.

[11] Pada jam lebih kurang 8 pagi, pengadu mendengar responden kelima menelefon responden ketiga dan memberitahu bahawa si mati telah meninggal dunia. Responden ketiga telah datang semula ke kawasan hutan tersebut. Responden keempat dan kelima kemudian telah membuka ikatan tangan dan kaki si mati dan telah menutup jasad si mati dengan pelepah kelapa sawit. Selepas itu responden ketiga, responden keempat dan responden kelima telah membawa pengadu keluar dari kawasan hutan tersebut. Pengadu telah diugut oleh mereka supaya tidak mencampuri urusan mereka dan dilarang membuat laporan polis. Pengadu kemudian telah dihantar ke Stesen Bas Klang.

[12] Responden ketiga, responden keempat dan responden kelima kemudian membawa cangkul ke tempat kejadian dan telah menanam mayat si mati di satu kawasan berdekatan tapak projek pembinaan Wawasan 1, Kawasan Perindustrian Sg Kapar Indah, Kapar. Mereka telah membuang

tali-tali yang digunakan untuk mengikat si mati, kasut, tali pinggang dan baju si mati di dalam semak berdekatan tempat kejadian. Mereka kemudian membuang parang dan kayu di ladang kelapa sawit yang berdekatan kawasan tersebut. Mereka telah mengambil dompet si mati dan responden ketiga kemudian membuang dompet yang mengandungi dokumen-dokumen peribadi si mati di belakang Dewan Tadika Lot 6828 Kampung Perabat Bt 8 Jalan Kapar Klang.

[13] Laporan bedah siasat mengesahkan sebab kematian si mati ialah 'head injury due to blunt trauma'.

[14] Seperti mana yang dinyatakan di awal penghakiman ini, pendakwa raya telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini mengenai hukuman yang dijatuhkan oleh YA hakim Mahkamah Tinggi terhadap kelima-lima responden.

[15] Di hadapan kami, Puan Nurulhuda Nur'aini bt Mohd Nor, timbalan pendakwa raya ('TPR') telah berhujah bahawa YA hakim telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menjatuhkan hukuman penjara yang terlampau kurang (*manifestly inadequate*) dan tidak sealiran dengan corak hukuman bagi kesalahan serupa pada masa ini terhadap responden-responden sedangkan kesalahan yang dilakukan oleh responden-responden adalah satu kesalahan yang amat serius yang telah menyebabkan kehilangan satu nyawa. TPR telah menekankan bahawa hukuman yang boleh dikenakan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan adalah penjara sehingga 30 tahun (selepas pindaan berkuat kuasa 6 Mac 2007). Seterusnya TPR berhujah bahawa YA hakim telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberikan kepentingan berlebihan kepada laporan akhlak responden-responden sedangkan kepentingan awam mewajarkan hukuman yang lebih berat terhadap responden-responden di mana mereka telah bertindak kejam dan tidak berperikemanusiaan dalam menyebabkan kematian si mati.

[16] Sebaliknya, Encik Gurubachan Singh Johal, peguam bagi responden pertama, yang telah juga bersetuju secara sukarela mengemukakan hujah bagi responden ketiga, responden keempat dan responden kelima (yang tidak diwakili oleh peguam) telah berhujah bahawa hukuman yang dijatuhkan terhadap kesemua responden oleh YA hakim tidak wajar diganggu oleh mahkamah ini memandangkan hukuman tersebut tidaklah terlampau kurang (*manifestly inadequate*). Menurut Encik Gurubachan Singh Johal dan juga Encik Tan Choon Hong yang mewakili responden kedua, YA hakim telah menimbangkan dengan teliti semua fakta yang berkaitan serta keadaan kes ini dan telah menggunakan prinsip penghukuman yang betul sebelum menjatuhkan hukuman yang berkenaan. Menurut mereka, pihak pendakwa raya tidak dapat menunjukkan serta menyakinkan mahkamah ini bahawa YA

hakim telah khilaf di dalam penggunaan prinsip-prinsip penghukuman. Dengan yang demikian, kedua-dua peguam berhujah, tiada sebab yang mewajarkan mahkamah ini campur tangan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh YA hakim.

[17] Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu. Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah atau pun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah di dalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman. Prinsip undang-undang yang menentukan kawalan dan semakan keputusan berkaitan dengan hukuman telah digariskan dengan jelas dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 dan kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193.

[18] Persoalan utama di hadapan kami adalah sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh YA hakim tersebut adalah merupakan hukuman yang terlampau ringan (*manifestly inadequate*) dan tidak berpadanan dengan fakta dan kekejaman yang dilakukan oleh semua responden di dalam kes ini.

[19] Dalam menimbangkan persoalan ini, kami memberi pertimbangan kekejaman yang dilakukan terhadap si mati. Seperti mana yang dapat dilihat dalam fakta kes ini yang telah kami bentangkan di atas, kecederaan yang telah dilakukan oleh semua responden secara bersama-sama sehingga menyebabkan kematian si mati adalah dibuat dengan begitu kejam dan tidak berperikemanusiaan. Kecederaan yang dialami oleh si mati boleh dilihat melalui gambar-gambar bedah siasat ke atas si mati (eksh P7) di ms 88–104 rekod rayuan. Gambar-gambar ini merakamkan kekejaman yang dilakukan terhadap si mati. Sudah pasti, si mati telah terpaksa menanggung kesakitan yang amat menyeksakan akibat perbuatan semua responden dalam kes ini yang dilakukan secara bersama-sama. Pada hemat kami, terdapat fakta-fakta yang mewajarkan YA hakim untuk menjatuhkan hukuman penjara yang lebih berat ke atas semua responden. Si mati dipukul beramai-ramai oleh responden-responden tanpa si mati dapat mempertahankan dirinya. Responden ketiga juga menggunakan senjata tajam sewaktu menyerang si

mati. Tiada sebarang provokasi oleh si mati sewaktu kejadian berlaku. Fakta kes ini mendedahkan satu perbuatan jenayah yang terancang di mana mereka membawa senjata, cangkul dan tali dalam kejadian ini. Tambahan pula, si mati telah dipukul di tiga tempat yang berlainan dan dibiarkan sehingga keesokan harinya. Responden ketiga juga telah mengambil kad ATM si mati dan telah mengeluarkan wang si mati dan membeli air, roti dan rokok sedangkan si mati yang telah tenat ketika itu dibiarkan sahaja. Setelah si mati menemui ajalnya, responden-responden yang berkenaan melaksanakan tindakan seterusnya dengan membuang bahan bukti, dokumen peribadi si mati dan juga menanam mayat si mati. Perbuatan mereka ini hanya menunjukkan kepada satu kesimpulan sahaja; iaitu mereka memang mempunyai niat untuk mengakibatkan si mati menemui ajalnya. Adalah nyata bahawa kesemua responden telah menggunakan kekejaman yang keterlaluan tanpa belas kasihan. Fakta juga jelas menunjukkan bahawa responden ketiga telah mengambil peranan yang lebih keterlaluan dalam kes ini jika dibandingkan dengan semua responden yang lain. Responden ketiga telah menggunakan senjata yang merbahaya sehingga menyebabkan kematian si mati.

[20] Pada hemat kami perbuatan kejam yang dilakukan secara bersama-sama oleh semua responden dalam menyebabkan kematian si mati telah tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh YA hakim dalam menimbangkan hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas mereka. Dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah and another vs Public Prosecutor* [1947] MLJ 130, Willan CJ telah berkata:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of each individual case. In that respect we would draw attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set out in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Ed) Vol 9, para 365:
>
> > The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the degree of deliberation shown by the offender, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.

[21] Dalam hubungan ini, tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman sebagai memberi satu pengajaran kepada semua responden dan perlindungan kepada masyarakat sebagaimana yang diputuskan dalam kes *R v Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164 seperti berikut:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope

A of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

[22] Berbalik kepada kes ini, setelah meneliti penghakiman YA hakim, kami mendapati walaupun beliau ada menyentuh prinsip kepentingan awam tetapi beliau tidak mencerminkannya di dalam hukuman penjara yang dijatuhkan. Pada hemat kami YA hakim telah khilaf kerana tidak memberi perhatian yang sewajarnya terhadap faktor kekejaman yang kami huraikan di atas sebagai faktor memberatkan hukuman demi kepentingan awam dan bukannya memberi keutamaan atau pertimbangan yang berlebihan bahawa responden-responden adalah pesalah muda, pengakuan salah dan kesusahan keluarga mereka dalam menjatuhkan hukuman. Memang benar kesemua responden berusia muda. Pada masa kejadian, responden pertama berumur 17 tahun 11 bulan, manakala responden kedua berumur 19 tahun 8 bulan. responden ketiga pada masa kejadian berumur 17 tahun 6 bulan. Responden keempat pula berumur 19 tahun 4 bulan dan responden kelima berumur 20 tahun 4 bulan pada masa yang berkenaan. Walaupun usia mereka muda, namun kesemua responden telah dengan sedar melakukan kesalahan yang serius dengan begitu kejam dan tidak berperikemanusiaan secara bersama-sama yang melibatkan nyawa seseorang. Mereka patut menerima akibat atas kesalahan yang telah mereka lakukan itu. Pada hemat kami, dalam keadaan kes ini, fakta bahawa responden-responden berusia muda tidak memberi mereka hak untuk dilayan secara ringan dalam menentukan hukuman yang sewajarnya. Faktor mitigasi usia muda hendaklah dinilai dengan meneliti keseluruhan fakta kes. Berhubung dengan isu usia muda responden-responden, kami dengan hormatnya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Haidar Mohd Noor HMR (YAA pada masa itu) dalam kes *Koey Teng Soon & Anor v Public Prosecutor* [2000] 2 MLJ 129 seperti berikut:

> We then next have to consider the period of imprisonment that should be imposed. The maximum punishment under s 304 (second limb) of the Penal Code is ten years imprisonment, but we must in considering the sentence to be imposed take into account the public interest element and not merely the interests of the appellants even though they might be of young age at the time of the commission of the offence.

Sharma J in *Tan Bok Yeng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 214 in dealing with the sentence in respect of an offence of robbery involving one of the accused whose age was 20 years, stated at p 215B-E:

> The second accused was 20 years of age while the appellant was 25 years at the date of the commission of the crime. I am quite aware that the law does provide for a lesser sentence or no sentence at all imposed upon persons of young age. There has, however, emerged in recent years in our society certain species of crimes which the alacrity of mind and body, the dare, dash and defiance of the youth alone is capable of performing and producing. Law cannot, in my view, remain merely a static and a meaninglessly passive, if ornamental and an orthodox instrument of justice, ineffective in its results and application. The social needs of the times have to be met and effectively met. It is not merely the correction of the offender which is the prime object of the punishment. The considerations of public interest have also to be borne in mind. In certain types of offences a sentence has got to be deterrent so that others who are like-minded may be restrained from becoming a menace to society.

[23] Pada hemat kami, dalam keadaan kes ini, kepentingan awam mengatasi faktor-faktor mitigasi yang telah dikemukakan oleh kelima-lima responden. Dengan hormatnya kami bersetuju dengan apa yang ditekankan oleh Abdul Malik bin Ishak HMR tentang kepentingan awam di dalam kes *Muhammad Isa bin Aris & Ors v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 342; [2011] 3 CLJ 510 seperti berikut:

> Public interest features prominently in sentencing an accused person. Indeed this is the approach adopted by this court in *Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor v Public Prosecutor* [2001] 4 CLJ 9 at p 13, where Shaik Daud JCA had this to say:
>
> > It cannot be gainsaid that the most onerous function of any court is to decide the appropriate sentence in any criminal case. In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. In that context the interest of justice should no doubt take into account the interest of the offender. But it is often forgotten that the interest of justice must also include the interest of the community. In assessing sentence the court should balance the interest of the offender with the interest of the victim and strike a balance, not, of course forgetting that the interest of the public should be of the uppermost consideration.

[24] Kami juga berpendapat bahawa YA hakim telah terkhilaf dalam menjatuhkan hukuman tersebut kerana beliau tidak mengambil kira niat Parlimen yang telah meminda peruntukan yang berkuat kuasa pada 6 Mac 2007 bagi menaikkan hukuman penjara maksimum daripada 20 tahun ke 30 tahun sekaligus memandang serius kesalahan jenayah di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[25] Mengambil kira semua keadaan kes ini, pada hemat kami, hukuman yang dijatuhkan oleh YA hakim terlampau ringan (*manifestly inadequate*) dan tidak berpadanan dengan fakta dan kekejaman yang dilakukan oleh kesemua responden di dalam kes ini. Dengan yang demikian, kami sebulat suara mengetepikan hukuman yang dijatuhkan oleh YA hakim dan menggantikannya dengan hukuman seperti berikut: responden pertama, responden kedua, responden keempat dan responden kelima masing-masing di hukum penjara 15 tahun dari tarikh mereka ditangkap. Manakala responden ketiga dihukum penjara 18 tahun dari tarikh dia ditangkap.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum